

**UCAPAN PRA PELANCARAN YAB MENTERI BESAR
SEMPENA PANGKOR INTERNATIONAL BOAT SHOW
21 DISEMBER 2021 (SELASA)
DEWAN BANQUET, SUK PERAK**

Assalamualaikum Wbr dan Salam Sejahtera

Bismillahirrohmanirrohim,

[SALUTASI]

1. Alhamdulillah, sama-samalah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas kebesaran dan keagungan-Nya jua, kita semua diberi kesempatan untuk menghadiri majlis pra pelancaran acara *Pangkor International Boat Show 2022* pada petang ini.
2. Pertamanya, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan, seterusnya melancarkan acara yang bakal membuka lembaran baru dalam usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk menggilap sektor pelancongan Perak ke persada antarabangsa.
3. Pada masa sama, saya melihat inisiatif penganjuran acara ini adalah selaras dengan hasrat dan komitmen Kerajaan Negeri untuk

memulihkan semula sektor pelancongan yang terjejas teruk sepanjang hampir dua tahun kita berdepan pandemik COVID-19.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Merujuk kepada Laporan Survei Pelancongan Domestik Tahun 2020, secara keseluruhan, statistik kedatangan pelancong mengalami kejatuhan yang ketara apabila mencatatkan kemerosotan sebanyak 44.9 peratus atau 107.4 juta jumlah pelawat domestik iaitu 239.1 juta yang direkodkan pada tahun 2019 kepada hanya 131.7 juta pelawat bagi tahun 2020.
5. Kemerosotan ini adalah kesan daripada langkah penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020. Purata perbelanjaan perjalanan pelawat domestik juga turut menunjukkan penurunan daripada RM310 pada tahun 2019 kepada RM275 pada tahun 2020. Peratus penurunan adalah sebanyak 11.3 peratus.
6. Pun begitu, dalam keadaan impak pandemik yang begitu besar, Perak masih menjadi negeri yang menerima pelawat domestik kedua (2) tertinggi pada tahun 2020 iaitu 13.17 juta pelawat selepas Negeri Selangor. Jika dibandingkan pada tahun 2019, Negeri Perak merupakan antara negeri keempat (4) tertinggi yang menerima kunjungan pelawat domestik dengan jumlah 21 juta pelawat.

7. Fakta ini sedikit sebanyak mencerminkan bahawa sektor pelancongan Perak mempunyai daya tahan, namun memerlukan dokongan bagi membantu para penggiat industri, bukan sahaja dalam menyerap impak pandemik COVID-19, tetapi juga untuk bangkit menghidupkan semula sektor ini.
8. Memahami situasi tersebut, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai insentif seperti pengecualian bayaran lesen serta pemberian bayaran *one-off* melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Perak Sejahtera yang memberi manfaat langsung kepada para penggiat pelancongan termasuk persatuan hotel, pemandu pelancongan dan pemilik homestay selain pelaksanaan program vaksinasi kepada *frontliners* pelancongan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

9. Memandangkan kita sudah memasuki fasa pemulihan, langkah-langkah bagi menjana semula sektor pelancongan sedang giat dijalankan. Seperti yang saya umumkan dalam Belanjawan 2022 Perak baru-baru ini, sektor ini adalah antara yang diberi tumpuan khusus pada tahun hadapan.
10. Pelbagai inisiatif dan program telah dirancang termasuklah aktiviti mempromosi produk pelancongan Perak secara holistik melalui platform digital untuk menggamit kehadiran pelancong, bukan sahaja di peringkat domestik, tetapi juga pelawat dari luar negara.

11. Dalam hubungan ini, saya melihat penganjuran *Pangkor International Boat Show* bukan sahaja akan menjadi pemangkin kepada sektor pelancongan melalui penganjuran acara bertaraf antarabangsa, malah mampu meningkatkan sosio-ekonomi selain menonjolkan keunikan ciri-ciri sosial dan budaya masyarakat setempat.
12. Saya dimaklumkan, pasaran global bagi industri marin ini di peringkat global kini sudah mencecah RM147 bilion setahun dan Perak sebagai negeri yang mempunyai kapasiti yang baik dalam sektor pelancongan sewajarnya merebut peluang keemasan ini.
13. Cabaran dan perubahan persekitaran yang berlaku di peringkat global dan domestik memerlukan satu anjakan paradigma supaya Malaysia umumnya dan Perak amnya, tampil dengan yakin untuk menjadi antara peneraju industri maritim, terutamanya dalam sektor bot rekreasi ini.
14. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melihat potensi *Pangkor International Boat Show* sebagai platform perniagaan terkemuka dengan kualiti dan nilai yang baik untuk keseluruhan industri bot selain menyediakan persekitaran perniagaan profesional untuk pempamer dan pembeli di seluruh dunia.
15. Difahamkan, pameran antarabangsa yang akan diadakan pada 19 hingga 23 Oktober 2022 ini akan membawa pempamer dari lebih 20 negara terdiri daripada pemilik, pembuat, pengedar alat ganti dan rangkaian pengeluar aksesori rangkaian industri marin termasuk sektor rekreasi seperti aktiviti sukan air, *scuba diving*, memancing dan jet ski.

16. Selain pameran bot, pelbagai pengisian acara lain sedang dirancang bagi memeriahkan lagi *Pangkor International Boat Show*. Antaranya, demonstrasi penangkapan penjenayah di laut, demonstrasi oleh pasukan paskal, pameran aset TLDM, seminar berkaitan pengendalian bot dan penyediaan *one stop check point* oleh APMM untuk pempamer yang belayar ke lokasi pameran.
17. Penganjuran kesemua acara ini akan sekaligus meletakkan Perak sebagai antara negeri yang akan mengisi serta memeriahkan kalendar acara maritim Malaysia selain Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) dan Hari Armada Malaysia.
18. Saya juga dimaklumkan bahawa acara yang diadakan hasil kolaborasi antara Tourism Perak, Pertubuhan Usahawaniaga Perak dan Eagle Swipe Global Sdn Bhd ini dijangka mampu menggamit kehadiran lebih 60 ribu pengunjung dari dalam dan luar negara.
19. Penganjuran pameran ini juga akan didukung oleh kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Majlis Perbandaran Manjung, Polis Diraja Malaysia Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak serta agensi-agensi lain yang berkaitan.
20. Mewakili Kerajaan Negeri, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengajur kerana berani membawa acara elit ini ke Lumut dan Pangkor sekaligus mencerminkan kepercayaan penganjur

terhadap kapasiti Perak sebagai destinasi pelancongan yang unggul dan berdaya maju.

21. Saya percaya acara ini akan dapat menggilapkan lagi wajah Lumut dan sekitarnya sebagai antara ikon pelancongan di negeri Perak. Tidak salah untuk kita memasang impian supaya suatu hari nanti *Pangkor International Boat Show* akan menjadi acara terbesar seumpamanya di Asia Pasifik. Insya-Allah.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

22. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus bagi menjayakan program pra pelancaran pada petang ini.
23. Sama-samalah kita memanjatkan doa mudah-mudahan usaha untuk menjayakan *Pangkor International Boat Show 2022* akan sentiasa dipermudahkan dan supaya akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan negeri dan memberi manfaat ekonomi kepada rakyat negeri Perak Darul Ridzuan.
24. Dengan harapan itu, saya dengan lafaz mulia BISMILLAHIRROHMANIRRAHIM, menyempurnakan majlis pra pelancaran program *Pangkor International Boat Show 2022*.

Sekian, Wabillahitaufig Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.